



JUDIN mendengar taklimat ketika melawat gerai CIDB Malaysia pada Karnival CICF 2012 di Kuala Lumpur, semalam.

Projek pembangunan RM95b

CIDB jangka transformasi mampu rangsang ekonomi Malaysia

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bharian.com.my

LEMBAGA Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menjangkakan nilai projek pembangunan di Malaysia tahun ini melonjak kepada RM95 bilion, meningkat kira-kira tujuh peratus berbanding RM85 bilion yang direkodkan tahun lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Judin Abdul Karim, berkata pertumbuhan itu sejajar dengan pelaksanaan pelbagai projek berimpak besar menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

“Walaupun ekonomi global kurang memberangsangkan, sektor pembinaan negara dijangka terus mencatat pertumbuhan bagi tahun ini dan beberapa tahun akan datang

selaras dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan termasuk Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV) dan My Rapid Transit (MRT).

“Setakat ini beberapa projek sudah diagihkan kepada syarikat berkaitan dan ia hanya permulaan kerana banyak lagi projek yang bakal diagihkan pada masa akan datang yang turut menarik minat syarikat kontraktor luar negara,” katanya pada sidang media selepas melawat tapak pameran Karnival Kerjaya Industri Pembinaan 2012 (CICF 2012) di Kuala Lumpur, semalam.

Judin berkata, walaupun sektor pembinaan sekadar menyumbang 3.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, pertumbuhannya mampu menggerakkan beberapa bidang ekonomi berkaitan lain antaranya logistik, kewangan, perkhidmatan dan pengilangan.

“Jika digabungkan dengan beberapa bidang lain berkait rapat sektor pembinaan, ia boleh menyumbang sekitar 20 peratus kepada KDNK,” katanya.

Mengulas rundingan dengan Kementerian Kewangan mengenai kemungkinan menurunkan cukai untuk mesin berat yang digunakan dalam industri pembinaan, beliau berkata, perkara itu masih dibincangkan dan maklum balas berhubung rundingan itu akan diumumkan kerajaan.

“Bagaimanapun, sektor ini perlukan transformasi daripada konsep kebergantungan kepada buruh kepada jentera berat bagi meningkatkan kualiti pembinaan memandangkan banyak projek yang dilaksanakan adalah berprofil tinggi,” katanya.

Mengenai pakar tempatan dalam industri pembinaan pula, Judin berkata, pelajar terbaik di Malaysia

disarankan memilih kejuruteraan memandangkan pakar daripada bidang berkenaan amat diperlukan tidak hanya untuk sektor terbabit, malah turut membabitkan bidang pengurusan korporat.

Malah, katanya, persijilan yang dikeluarkan institusi pengajian tempatan bagi bidang kejuruteraan tidak hanya diiktiraf oleh pasaran tempatan malah beberapa negara antaranya Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Kanada, Jepun, Korea dan Afrika Selatan.

“Persijilan yang diperoleh pelajar kita di sini diperakui oleh beberapa negara lain yang mana turut menagih kepakaran tempatan untuk berkhidmat di negara mereka,” katanya.

Selain itu katanya, negara disarankan untuk mengaplikasi kemajuan teknologi kejuruteraan bagi memperkukuhkan pertumbuhan sektor pembinaan di Malaysia.